



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

## PEKELILING REKTOR

Bilangan 01 Tahun 2020

### PENEMPATAN PELAJAR SEMESTER HADAPAN (SESI MAC-JULAI 2020) DI KOLEJ KEDIAMAN UiTM CAWANGAN KEDAH

#### TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai penempatan kolej kediaman mahasiswa semester hadapan (Sesi Mac-Julai 2020).

#### LATAR BELAKANG

2. Bagi maksud pemakaian Pekeliling ini:
- i. Penempatan mahasiswa di kolej kediaman merupakan satu proses bagi pelajar mendaftar di universiti mengikut penempatan yang telah ditetapkan. Pelajar yang layak akan menerima kemudahan penempatan di kolej kediaman.
  - ii. "Kolej kediaman" merujuk kepada apa-apa perumahan, dengan apa jua nama disebut, yang disediakan oleh universiti untuk pelajar-pelajar.

#### TUJUAN PELAKSANAAN

3. Tujuan pelaksanaan adalah untuk memaklumkan berkenaan penempatan kolej pada semester hadapan. Sehubungan itu, **semua pelajar Diploma yang masih dalam tempoh pengajian boleh memohon kemudahan kolej kediaman berdasarkan kepada jumlah pengiraan merit kad aktiviti yang sah DAN membuat permohonan online e-kolej**. Pihak pengurusan kolej kediaman akan mengeluarkan senarai nama pelajar yang berjaya dengan syarat :

- 3.1 Telah membuat permohonan online e-kolej.
- 3.2 Menghantar kad aktiviti pelajar.
- 3.3 Siswa – mencapai markah merit 30 dan ke atas

**3.4 Siswi – mencapai markah merit 21 dan ke atas**

**3.5 Tidak memalsukan kupon aktiviti “SCANNED COUPON”**

**Jika tidak membuat permohonan online e-kolej dan tidak mematuhi kriteria yang ditetapkan, kemudahan kolej kediaman tidak disediakan. Bagi pelajar yang berjaya kolej, pihak pengurusan kolej kediaman berhak menentukan bilik-bilik pelajar. Pelajar boleh menyemak status berjaya / gagal melalui Student Portal.**

**Pelajar yang gagal mendapat kemudahan kolej kediaman, dinasihatkan supaya membuat perancangan awal dengan mencari rumah untuk disewa atau layari laman web UiTM Kedah ([www.kedah.uitm.edu.my](http://www.kedah.uitm.edu.my)) untuk maklumat selanjutnya. Segala urusan penyewaan dan pengangkutan adalah atas perbelanjaan serta tanggungjawab sendiri.**

**Bagi pelajar semester satu yang ingin tinggal di luar, pelajar diwajibkan mengemukakan surat permohonan dan kebenaran ibubapa untuk menjadi pelajar Non-Resident (NR) dan surat tersebut dihantar kepada Timbalan Rektor HEP.**

**Pelajar Sepenuh Masa Lanjutan (SML) dan pelajar yang menjalani Latihan Industri (LI) tidak akan disediakan kemudahan penempatan kolej kediaman. Bagi pelajar yang dikenakan tindakan tatatertib, secara automatik hilang kelayakan untuk mendapatkan kemudahan kolej kediaman.**

**Untuk pendaftaran kolej pada awal semester hadapan, adalah diingatkan supaya pelajar datang pada hari pendaftaran yang telah ditetapkan kerana pihak kolej / Universiti tidak menyediakan kemudahan penginapan sebelum hari pendaftaran.**

Sekian, terima kasih.

**TARIKH DIKELUARKAN**

7. Pekeliling dikeluarkan pada 8 Januari 2020

**TARIKH KUATKUASA**

8. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 8 Januari 2020

**PROF. MADYA DR. SHAIFUL ANNUAR KHALID**

Rektor  
UiTM Cawangan Kedah

8 Januari 2020

*Dikelilingkan Kepada:*

*Timbalan Rektor HEP  
Timbalan Rektor HEA  
Timbalan Rektor PJI  
Semua Ketua Bahagian/Unit  
Semua Staf Residen Kolej  
YDP MPP  
Semua Presiden JPK*

Rujukan Fail : 100-UiTMKDH(PT.6/7)